Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	22/12/2019	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	**PERHATIAN**			



Kenali dunia haiwan

Cabaran Zoomanzi Taman Hidupan Liar, tingkatkan kesedaran pulihara habitat



Golongan muda terutamanya perlu ada ilmu dan komitmen untuk sama-sama menjaga alam sekitar kerana mereka adalah masa depan yang mencorakkan planet dan seterusnya bertanggungjawab dalam pemuliharaan alam sekitar"

Sean Choo,
Pengurus Besar Sunway Lagoon

Oleh Nor Hatina Shuib
hatina@bh.com.my

Mengenali spesies, tingkah laku, corak pemakanan dan habitat haiwan memberikan pengalaman manis dalam membina semangat supaya lebih prihatin terhadap makhluk itu yang melengkapkan ekosistem dunia.

Menerusi Cabaran Zoomanzi Taman Hidupan Liar, di Taman Hidupan Liar Sunway Lagoon yang menempatkan 140 spesies haiwan, satu penulis dapat memahami lebih mendalam mengenainya.

Sepanjang lebih dua jam menyertai cabaran Zoomanzi yang diadakan sempena sambutan Hari Haiwan Sedunia, setiap 4 Oktober, baru-baru ini, penulis bersama rakan media lain dibahagikan kepada lapan kumpulan menerusi nama haiwan seperti Tiger, Lion, Bear, Marmoset, Porcupine, Guinea pig, Macaw dan Otter.

Menjelajah keseluruhan kawasan taman haiwan liar, perasaan cemas yang awalnya menyelubungi diri semakin menipis apabila tujuh cabaran dapat dihabiskan dengan baik.

Antara cabaran yang dilalui adalah perlu meniru gaya haiwan, mengenali dan melukis karakter haiwan, Jigsaw puzzle haiwan, cabaran ecobrick yang mana perlu memenuhkan enam botol mineral dengan plastik serta paling memahat kenangan menyeluk ratusan ulat untuk mendapat padanan gambar rajah haiwan yang diletakkan dalam bekas berisi ulat.

Semai kasih sayang

Setiap tugasan yang diselesaikan akan mendapat barangan makanan seperti daging, tembikai dan labu, yang sepadan dengan nama haiwan diwakili media.

Bagi penulis yang berada dalam kumpulan Lion, kami perlu mendapatkan jenis makanan ini seberapa cepat untuk mendapat tugasan akhir, menghasilkan makanan dengan cara paling kreatif untuk dipersembahkan kepada singa untuk 'menjamu selera'.

Hasilnya, sebiji labu dan tembikai ditebuk di beberapa bahagian dan lubang dihasilkan diisi padat diisi ketulan daging segar.

Sepanjang aktiviti ini pelbagai habitat haiwan seperti burung, ikan, reptilia dan mamalia dapat dilihat yang berupaya menyedarkan masyarakat menonjolkan kasih sayang dan sifat prihatin kepada binatang.

Kembara menjelajah haiwan di taman tema itu turut dimeriahkan dengan kempen menggalakkan kesedaran terhadap haiwan supaya ia tidak pupus dan diabaikan dalam melestarikan kehidupan sejagat.

Cipta pengalaman baharu

Pada masa sama , taman tema ini turut mengumumkan sokongannya menerusi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang ditetapkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Program SDG mengandungi sebanyak 17 gol yang ingin dicapai menjelang 2030 yang disokong Taman Hidupan Liar Sunway Lagoon.

Antaranya adalah memastikan pola penggunaan dan pengeluaran lestari kehidupan atas tanah dapat dicapai bagi melindungi, memulihkan dan menggalakkan penggunaan ekosistem dan pengurusan hutan secara lestari.

Pengurus Besar Sunway Lagoon, Sean Choo, berkata sempena sambutan Hari Haiwan ini, pihaknya mahu mencipta pengalaman baharu di semua peringkat usia untuk menikmati Taman Hidupan Liar menerusi pendidikan sekali gus mewujudkan peranan dalam melindungi alam sekitar.

"Golongan muda terutamanya perlu ada ilmu dan komitmen untuk sama-sama menjaga alam sekitar kerana mereka adalah masa depan yang mencorakkan planet dan seterusnya bertanggungjawab dalam pemuliharaan alam sekitar," katanya.

Taman tema ini juga mengumumkan projek terbaharu menerusi kerjasama dengan Persatuan Pemuliharaan Penyu Malaysia, sebagai sokongan terhadap kerja pemuliharaan spesis tuntung sungai di negara ini bersama Pengasas Bersama Persatuan Pemuliharaan Penyu Malaysia, Dr Chen Pelf Nyok.





